

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

---

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI  
SHIEN [ JULAU ]  
**TARIKH** : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

**SOALAN**

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dengan jelas apakah tindakan susulan yang akan diambil Kementerian selepas pertemuan dengan beberapa pengendali syarikat *e-hailing* yang beroperasi di Malaysia terutamanya berkaitan dengan semak semula harga tambang yang dikatakan terlalu rendah sehingga merugikan para pekerja yang berada di dalam sektor gig ekonomi ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan harga lantai tambang e-hailing adalah kompleks dan perlu diimbangi antara pemandu dan pengguna. Sekiranya harga lantai ditetapkan, harga tambang kepada pengguna juga mungkin meningkat.

2. Pemboleh ubah seperti kesesakan trafik, cuaca, jarak, masa, jumlah permintaan dan jumlah penawaran menentukan padanan tempahan dengan penawaran secara langsung. Justeru itu, harga tambang juga fleksibel mengikut padanan faktor semasa.

3. Pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah mengadakan perbincangan dengan pemain utama industri e-hailing dan maklumbalas diterima adalah:

- i. Syarikat memberi galakan kepada rakan pemandu untuk beroperasi di kawasan tumpuan melalui insentif yang ditawarkan oleh syarikat masing-masing bagi memenuhi permintaan semasa; dan
- ii. Sebagai contoh salah satu syarikat penyedia perkhidmatan e-hailing membuat penawaran insentif secara seminggu lebih awal kepada pemandu melalui notifikasi aplikasi pemandu. Tawaran insentif yang diumumkan boleh membantu rakan pemandu merancang waktu operasi yang sesuai dan jumlah pendapatan yang disasarkan.

4. Sebagai kesimpulan, Kementerian masih belum berhasrat untuk mengawalselia tambang e-hailing buat masa kini.

Sekian, terima kasih.